

10/09/1997

Jentera berat masih diperlukan

HM Ibrahim

AMARAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengenakan langkah tertentu dalam Belanjawan 1998 nanti bagi menghalang pengimportan jentera berat yang tidak terkawal, amat menarik perhatian saya.

Semua pihak tahu akibat pengimportan jentera berat itu, sama ada yang baru mahupun terpakai mengakibatkan imbalance dagangan luar semakin ketara. Tidak dapat dinafikan juga pertumbuhan sektor pembinaan yang begitu pesat sekarang membuat permintaan ke atas jentera ini tinggi.

Jentera berat yang diimport yang siap menunggu untuk dibeli boleh dilihat dengan banyaknya di bandar Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan Johor Bahru.

Sebagai seorang kontraktor binaan kecil saya berpendapat pembelian jentera berat (baru ataupun terpakai ini oleh kontraktor kecil mahupun besar adalah berdasarkan faktor berikut.

- * Terpaksa menambah jentera yang sedia ada bagi memenuhi keperluan kerja semasa yang ditetapkan mengikut tempoh;

- * Membeli jentera berat bagi tujuan memberi khidmat sewaan kepada kontraktor lain yang tidak berkeupayaan memiliki sendiri, dan

- * Menukar kepada jentera yang lebih moden dengan keupayaan yang lebih besar dan cepat.

Semua ketiga-tiga faktor di atas berlaku disebabkan pertambahan projek masa kini. Bagi kontraktor besar mereka mungkin lebih berminat membeli jentera berat baru yang diimport kerana dana kewangan mereka besar dan jentera itu mempunyai peralatan canggih serta keupayaan kerja yang tinggi dan cepat.

Sebaliknya bagi kontraktor kecil, jentera berat import terpakai lebih diminati kerana harganya separuh lebih murah daripada yang jentera terpakai dalam negeri.

Komen PM terhadap banyak jentera berat yang lama yang tidak digunakan lagi dapatlah saya dasarkan kerana perkara berikut:

- * Kos alat ganti yang tinggi untuk membaikpulih 100 peratus jentera terbabit di dalam negeri;

- * Kekurangan tenaga kerja yang mahir bagi menjalankan kerja baik pulih; dan

- * Pihak syarikat kewangan tidak dapat membiayai jentera yang lama walaupun dibaikpulih di dalam negeri atas alasan jentera lama serta arahan bank negara.

Bagi menggalakkan kontraktor menggunakan jentera lama sedia ada, saya mencadangkan kepada pihak Kementerian Kewangan agar mempertimbangkan perkara berikut:

- * Menggalakkan jentera lama sedia ada dibaik pulih semula 100 peratus di dalam negeri dengan menghapuskan semua cukai alat ganti agar kos baik pulih menjadi murah; dan

- * Mengubal undang-undang atau mengarahkan syarikat kewangan agar menerima pembiayaan pembelian ke atas jentera berat yang lama yang dibaikpulih. Ini bererti pembiayaan tidaklah berdasarkan kepada tahun buatan jentera itu tetapi perlu berdasarkan keadaan fizikal jentera. Ini adalah kerana setelah jentera tersebut dibaik pulih keupayaannya telah meningkat semula.

Pada pendapat saya juga jentera ini bukanlah barangan mewah yang dibeli untuk menunjuk-nunjuk seperti kereta dan rumah tetapi ianya adalah alat yang terpaksa diadakan bagi tujuan menyiapkan sesuatu projek.

Jika harga jentera berat yang sedia ada yang sudah dibaik pulih di sini lebih murah daripada yang diimport, tiada sebab pihak kontraktor hendak berbelanja lebih kerana keuntungan setiap projek amatnya penting untuk kehidupan seorang kontraktor.